



SIARAN AKHBAR

**MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN DERMA DAN DOA SELAMAT BAGI BAKAL HAJI
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA**

Bandar Seri Begawan

Hari Isnin, 10 Zulkaedah 1439H bersamaan 23 Julai 2018

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) pada hari ini, Isnin, 23 Julai 2018 telah mengadakan Majlis Doa Selamat bagi 12 orang bakal jemaah haji yang terdiri daripada warga kementerian ini sebelum mereka berlepas ke tanah suci. Majlis telah berlangsung di Bilik VIP, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Pada majlis itu, penyampaian sumbangan derma daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian ini dan Jabatan-Jabatan dibawahnya kepada bakal-bakal jemaah haji telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir ialah Yang Mulia, Pemangku Setiausaha Tetap, KSSUP; Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kanan KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.

/TAMAT